

NO. SOALAN: 144

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6855

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah tindakan yang akan diambil ke atas penerbit buku yang didapati bersalah membawa ajaran sesat melalui bahan-bahan percetakan yang dikeluarkan oleh syarikat penerbitan masing-masing; dan
- (b) apakah mekanisme aduan rakyat yang boleh diambil oleh rakyat sekiranya pengguna mendapati sesuatu percetakan itu ada unsur-unsur membawa ajaran sesat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab memantau bahan-bahan bercetak, terutamanya yang dikeluarkan permit penerbitan supaya tidak mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Mana-mana bahan penerbitan yang disyaki mengandungi unsur-unsur ajaran sesat akan ditahan untuk menjalani proses kajian dan analisis serta dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) untuk mendapatkan perakuan sama ada akan dikenakan Perintah Larangan sepermula yang diperuntukan di bawah Akta berkenaan.

Jika didapati ada asas-asas yang kukuh penerbitan berkenaan mengandungi unsur-unsur yang boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara, Kementerian akan mengeluarkan suatu perintah di bawah Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tak Diingini) mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 mengenakan

perintah larangan terhadap penerbitan tersebut dan pengedarannya ditegah di seluruh negara.

Kementerian boleh mengambil tindakan mengikut seksyen 8 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu, sesiapa yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluar, mengeliling, menawarkan untuk menjual, mengedar atau ada dalam miliknya bagi apa-apa jua maksud seperti itu apa-apa hasil penerbitan larangan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya. Mana-mana individu, orang ramai atau pertubuhan boleh membuat aduan atau laporan kepada pihak berkuasa agama, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri melalui mekanisme saluran media cetak, elektronik mahupun internet jika terdapat penerbitan agama seumpama itu yang jelas menyalahi undang-undang negara.